

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 2006/2007

Oktober/November 2006

**HIA 101 – Pengantar Pengajian Islam**

Masa : 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi EMPAT muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan sahaja. DUA soalan dari bahagian A dan DUA soalan dari bahagian B.

...2/-

**Bahagian A**

1. Naluri asal semua manusia memerlukan agama. Bincangkan kenyataan ini secara ilmiah dan kritis dari aspek-aspek berikut:
  - [a] Empat sebab utama kenapa dari segi fitrahnya manusia memerlukan agama.  
[40 markah]
  - [b] Pandangan beberapa tokoh pemikir Barat bahawa fenomena beragama merupakan fenomena baru yang sengaja direka untuk kepentingan golongan tertentu.  
[30 markah]
  - [c] Kedudukan agama Islam berhadapan dengan kemajuan ilmu pengetahuan.  
[30 markah]
  
2. Islam merupakan agama wahyu yang sama sekali berbeza dari agama-agama lain. Antara aspek yang membezakan Islam ialah dari segi kedudukannya sebagai agama fitrah dan prinsip tauhid yang menjadi tunjang akidah Islam. Jawab soalan-soalan berikut:
  - [a] Huraikan maksud Islam dari segi bahasa dan istilah.  
[20 markah]
  - [b] Huraikan empat bukti *aqli* yang menunjukkan bahawa Islam merupakan agama fitrah.  
[40 markah]
  - [c] Huraikan pengertian tauhid dalam Islam serta bezakan *antara tauhid rububiyah, tauhid uluhiyyah* serta *tauhid asma' dan sifat*.  
[40 markah]
  
3. Al-Qur'an dan al-Sunnah merupakan sumber ajaran Islam yang utama. Kedua-duanya merupakan sumber yang lengkap dan sempurna bagi memandu kehidupan manusia dalam semua aspek hidup mereka pada setiap masa. Namun hakikatnya, dengan kewafatan Rasulullah SAW, tiada lagi wahyu al-Qur'an yang diturunkan dan tiada lagi al-Sunnah yang disampaikan oleh baginda. Berdasarkan kenyataan di atas, jawab soalan-soalan berikut:

...3/-

- [a] Nyatakan kaedah-kaedah al-Qur'an dalam menjelaskan hukum-hakam serta berikan satu contoh bagi setiap satunya. [20 markah]
- [b] Huraikan empat hikmah al-Qur'an diwahyukan secara berperingkat-peringkat. [40 markah]
- [c] Huraikan empat sebab al-Sunnah masih tetap diperlukan sekalipun al-Qur'an telah lengkap dan sempurna. [40 markah]

Bahagian B

4. Akidah merupakan intipati utama dalam gerakan dakwah Rasulullah SAW. Huraikan.
- [a] Maksud akidah Islam [10 markah]
- [b] Empat (4) perbezaan akidah dan ideologi. [40 markah]
- [c] Lima (5) keistimewaan akidah Islam. [50 markah]
5. Undang-undang jenayah Islam merupakan sebahagian daripada syariah Allah yang bersumberkan al-Qur'an dan al-Sunnah. Huraikan.
- [a] Tiga (3) matlamat undang-undang jenayah Islam disyariatkan [30 markah]
- [b] Tiga (3) bentuk kesalahan di bawah jenayah hudud [30 markah]
- [c] Kemampuan dan keberkesanan undang-undang jenayah Islam [40 markah]

...4/-